

GEJALA SOSIAL DI FELDA GUGUSAN CHINI PAHANG: FAKTOR DAN CARA MENGATASINYA¹

Badlihisam Mohd Nasir, Anuar Puteh, Abdul Ghafar Don,
Ahmad Irdha Mokhtar & Abu Dardaa

ABSTRAK

Gejala sosial merupakan satu isu penting dalam konteks pengajian dakwah Islam. Pemahaman yang mendalam perlu difahami bagi meneliti masalah dan cabaran yang kompleks. Penempatan pedalaman seperti kawasan felda merupakan cabaran terdedahnya gejala social secara tersembunyi. Artikel ini bertujuan bagi mengkaji latar sosial Felda Gugusan Chini dan menganalisis faktor berlakunya gejala social dan cara mengatasinya. Kajian ini menggunakan kaedah temubual dan edaran soalselidik di kalangan remaja di Gugusan Chini khususnya. Kajian awal yang dibuat mendapati penduduk felda ini secara umumnya dating dari latar belakang kenegerian yang berbeza menyebabkan berlakunya percampuran pelbagai bentuk keragaman manusia yang mendedahkan kepada pertumbuhan gejala sosial yang beraneka. Adakah faktor dalaman seperti pendidikan dan ekonomi yang rendah menjadi penyumbang utama kepada masalah sosial? Kajian ini mendapati pendekatan yang baru bagi mengatasi permasalahan ini.

1. PENGENALAN

Golongan remaja yang menjadi asset penting bagi mewarisi tunggak pimpinan Negara merupakan perkara yang menjadi kebimbangan berikutan permasalahan gejala sosial. Media massa seringkali mendedahkan permasalahan yang berlaku terhadap remaja seolah-olah menjadi sebuah tabiat yang mendorong untuk remaja bertindak sedemikian. Islam telah mengajarkan bahawa akhlak merupakan satu tonggak yang penting dalam membina jati diri seseorang manusia unggul. Kemajuan ekonomi dan fizikal sahaja tidak mencukupi untuk membina sebuah ketamadunan masyarakat yang baru. Perihal gejala sosial ini bukan lagi sebuah isu sensitive yang perlu ditutup tetapi

¹ Kertas kerja yang dibentangkan di dalam Seminar Serantau Dakwah dan Etnik di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 20-21 November 2014

sebuah isu yang sepatutnya diambil perhatian supaya pembangunan modal insan menjadi seiring dengan kemajuan Negara.

Perkara yang berlaku pada remaja masa kini merupakan isu yang juga berlaku pada masyarakat Felda Gugusan Chini, Pahang. Justeru satu kajian telah dijalankan untuk melihat persepsi penduduk di Gugusan Chini terhadap gejala sosial yang sedang berlaku hari ini dan mengenalpasti *pattern* masalah sosial yang melanda golongan remaja di sana. Cara kehidupan bersosial masyarakat felda Gugusan Chini perlu diambil kira untuk melihat sejauh mana tanggapan mereka terhadap permasalahan sosial yang melanda golongan remaja di sana.

Secara khususnya kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- 1) Menghuraikan tentang gejala sosial di kalangan remaja berdasarkan perspektif Islam.
- 2) Mengkaji kehidupan sosial penduduk di felda Gugusan Chini.
- 3) Mengkaji dan mengenalpasti faktor-faktor dan sikap golongan remaja terhadap gejala sosial.

2. GEJALA SOSIAL MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Islam merupakan sebuah agama yang syumul yang mana merangkumi semua aspek kehidupan manusia termasuklah pembangunan akhlak umatnya. Intipati kedatangan Rasulullah s.a.w menjadi pelengkap kesempurnaan akhlak di kalangan manusia dan muslim khususnya. Kesempurnaan dan kemuliaan akhlak adalah pencetus kepada kebahagiaan, kesejahteraan dan keharmonian kepada manusia. Sebaliknya, keruntuhan akhlak yang mendorong perlakuan melampaui batasan syariat hanya akan mengundang kegelisahan, kebimbangan dan ketakutan dalam masyarakat.

Dalam proses pembentukan seorang muslim yang sempurna, Islam melihat peranan keluarga adalah factor yang paling besar dalam mempengaruhi akhlak setiap insan. Sebagai sebuah institusi pendidikan yang asas, peranan penjaga adalah aspek paling penting dalam membentuk peribadi seorang anak. Walaubagaimanapun, kesibukan mengejar material duniawi menjadikan sebuah keluarga itu terabai. Tuntutan hidup yang tidak seimbang antara sosio ekonomi dan rohani mendorong

kepada *disorganisasi* keluarga. Tidak hairanlah jika remaja mudah terpedaya dan terpengaruh dengan perlakuan dan aktiviti yang merosakkan.

Persekitaran persekolahan juga turut menyumbang kepada keterlibatan remaja dengan perlakuan yang negatif seperti ponteng. Sistem pendidikan yang lebih menekankan peperiksaan dari usaha menerapkan nilai dan meningkatkan penghayatan ilmu di kalangan pelajar dilihat gagal memenuhi aspirasi pendidikan negara yang mahu melahirkan insan yang seimbang dan harmonis. Pendekatan pengajaran guru turut dikaitkan menyumbang situasi yang membosankan di kalangan pelajar menyebabkan mereka lebih suka berada di luar sekolah.


Penularan virus gejala sosial akan memberikan impak yang sangat besar kepada semua, tidak kiralah keluarga, masyarakat ataupun Negara. Perkara ini menjadi lebih parah kerana berlakunya jenayah di kalangan remaja dibuktikan dengan peningkatan kes rogol, bunuh dan buang bayi. . Peningkatan bilangan remaja yang terpaksa menghuni pusat-pusat pemulihan akhlak amat ketara sekali. Kesannya membayangkan generasi muda yang berakhlak mulia amat berkurangan sedangkan tenaga dan idea mereka diperlukan untuk mewarnakan senario kepimpinan dan masyarakat akan datang dengan keharmonian dan kesejahteraan.

3 PERSEPSI MASYARAKAT FELDA GUGUSAN CHINI TERHADAP GEJALA SOSIAL

3.1 Latar belakang Masyarakat Felda Gugusan Chini

Felda Chini mula dibuka pada tahun sekitar 1971 oleh kira-kira seramai 3325 orang penduduk dengan jumlah penempatan sebanyak 21 blok. Felda Chini ini mula berkembang dengan pertambahan penduduk sehingga kini. Felda Chini dulunya dikenali sebagai Felda Mentiga setelah namanya diperbaharui oleh Tun Ghafar Baba diwaktu lawatan ke sana. Felda ini terletak di Mukim Penyor dalam daerah Pekan, Pahang. Jumlah keluasan felda ini mencatatkan 13,930.38 hektar dengan kepadatan penduduk yang mencapai 24,929 orang. Jumlah penempatan peneroka boleh dipecahkan seperti rajah di bawah:-

Jumlah Penempatan Penduduk di Felda Chini



Secara umumnya, masyarakat felda Chini tidak terlepas daripada dilanda masalah sosial yang menimpa golongan remaja. Masalah merempit, seks sebelum perkahwinan, lepak, dan yang dikatakan terbesar ialah masalah dadah. Walaupun yang dilaporkan sedikit (4 kes), tetapi difahamkan bahawa bilangan kes yang tidak dilaporkan adalah banyak. Pembukaan pusat snooker di jalan masuk utama ke Felda ini dikatakan telah menjadi pemangkin kepada penularan masalah sosial lain seperti perjudian.

Sebanyak 82 borang kaji selidik telah diedarkan secara rawak bagi memperolehi data sebenar berkaitan dengan isu gejala sosial di felda ini. Respondan difokuskan kepada golongan remaja dan tidak mengira jantina. Seramai 43 orang respon lelaki yang menjadikan jumlah meyoriti dan seramai 58 orang merupakan anak jati Pahang sendiri. Respondan juga terdiri daripada remaja yang sudah berkahwin dan bujang (56 orang). Seramai 56 orang responden tidak mempunyai pendapatan tetap. Seramai 41 orang mencatatkan tamat pengajian diperingkat SPM dan 6 daripadanya memperolehi diploma dalam pelbagai bidang. Pendapatan ibubapa rata-rata ialah diantara RM500 sehingga RM 1500.

3.2 Persepsi warga belia Felda Chini berkaitan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya gejala sosial di kalangan remaja

Jadual 1 di bawah menunjukkan persepsi responden terhadap faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya gejala social di kalangan remaja. Data mengkategorikan pandangan dan persepsi ini kepada tiga skala iaitu salah, tidak pasti dan betul.

Jadual 1

Bil	Faktor Gejala Sosial	Salah	Tidak pasti	Betul	Tiada Jawapan
1	Kurang perhatian ibu bapa	11 (13.4%)	12 (14.6%)	59 (72.0%)	0
	Kurang pendidikan agama	5 (6.1%)	8 (9.8%)	69 (84.1%)	0
3.	Pengaruh rakan sebaya	1 (1.2%)	9 (11.0%)	72 (87.8%)	0
4.	Sifat ingin mencuba sesuatu yang baru	3 (3.7%)	7 (8.5%)	71 (86.6%)	1 (1.2%)
5.	Kesedaran atau motivasi diri	7 (8.5%)	11 (13.4%)	63 (76.8%)	1 (1.2%)
6.	Sukakan keseronokan	4 (4.9%)	8 (8.9%)	70 (85.4%)	0
7.	Pengaruh media cetak dan elektronik	7 (8.5%)	23 (28.0%)	51 (62.2%)	1 (1.2%)
8.	Kemudahan pusat hiburan yang wujud	13 (15.9%)	22 (26.8%)	47 (57.3%)	0
9.	Mengabaikan tuntutan menutup aurat	6 (7.3%)	15 (16.3%)	61 (74.4%)	0
10.	Mudah menggunakan motosikal di felda	8 (9.8%)	11 (13.4%)	62 (75.6%)	1 (1.2%)
11.	Sikap tidak ambil peduli masyarakat setempat	19 (23.2%)	22 (26.8%)	41 (50.0%)	0
12.	Sistem pendidikan yang menekankan peperiksaan	23 (28.0%)	40 (48.8%)	18 (22.%)	1 (1.2%)
13.	Pendapatan bapa/penjaga kurang memuaskan	36 (43.9%)	32 (39%)	14 (17.1%)	0
14.	Kurang kawalan pihak sekolah selepas waktu persekolahan	27 (32.9%)	36 (43.9%)	19 (23.2%)	0
15.	Tiada program yang sesuai untuk remaja dilakukan oleh masyarakat	22 (26.8%)	30 (36.6%)	29 (35.4%)	1 (1.2%)
16.	Kurang kawalan pihak polis	11 (13.4%)	12 (14.6%)	59 (72%)	0
17.	Wujudnya tempat-tempat melepak	12 (14.6%)	19 (23.2%)	51 (62.2%)	0

Jadual 1 menunjukkan bahawa belia felda Chini secara umumnya menerima factor-faktor yang dinyatakan sebagai sumber penyumbang berlakunya masalah sosial di Felda Chini. Catatan faktor tertinggi dapat dilihat datangnya daripada pengaruh rakan sebaya (87.8%), sifat ingin mencuba (86.6%) dan sukakan keseronokan (85.4%). Perkara seperti ini datangnya dari naluri seorang remaja normal dan ianya sukar dibendung sekiranya tidak diambil perhatian dari kanak-kanak lagi. Beberapa

factor lain juga menjadi penumbang kepada berlakunya gejala sosial seperti pengaruh media massa, wujudnya pusat hiburan dan tempat melepak serta kemudahan penggunaan motosikal di kawasan felda. Kurangnya sikap ambil peduli masyarakat terhadap pembendungan isu gejala sosial (50%) ini juga amat menyedihkan sedangkan semangat kejiranan dan ikatan kemasyarakatan yang tinggi terhadap penduduk felda.

Ringkasnya boleh disimpulkan bahawa remaja Felda Chini juga terdedah kepada factor dalaman dan luaran yang mampu mengheret mereka kekancah gejala sosial sama seperti remaja lain. Faktor-faktor ini harus dibendung segera bagi mengelakkan virus ini merebak dan menjadi barah kepada golongan yang mendatang.

4. PERSEPSI GOLONGAN REMAJA CHINI TERHADAP GEJALA SOSIAL

Jadual 2 di bawah menunjukkan persepsi golongan remaja Chini terhadap gejala sosial. Data mengkatogerikan pandangan dan persepsi ini kepada darjah persetujuan 5 poin iaitu Sangat Tidak setuju (STS), Tidak setuju (TS), Kurang Setuju (KS), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS).

Jadual 2

Bil	Persepsi	STS	TS	KS	S	SS	Tiada Jawapan
1.	Gemar berpelesenan dengan pasangan yang berlainan jantina.	40 (48.8%)	19 (23.2%)	12 (14.6%)	7 (8.5%)	1 (1.2%)	3 (3.7%)
2.	Terlibat dengan dadah.	58 (70.0%)	13 (15.9%)	4 (4.9%)	6 (7.3%)	1 (1.2%)	0
3.	Menganggap kegiatan rempit sebagai aktiviti tidak berfaedah.	6 (9.8%)	11 (13.4%)	2 (2.4%)	19 (23.2%)	42 (51.2%)	0
4.	Ponteng sekolah adalah salah satu kesalahan disiplin.	8 (9.8%)	6 (7.3%)	1 (1.2%)	26 (31.7%)	41 (50.0%)	0
5.	Melepak adalah satu tabiat yang harus diizinkan.	40 (48.8%)	25 (30.5%)	9 (11.0%)	6 (7.3%)	1 (1.2%)	1 (1.2%)
6.	Gemar mengikuti pesta-pesta hiburan kerana ianya memberi keseronokkan.	25 (30.5%)	27 (32.9%)	20 (24.4%)	7 (8.5%)	3 (3.7%)	0

Berdasarkan jadual 2 dapat diperhatikan isu gejala sosial sebenarnya difahami oleh sebilangan besar remaja Felda Chini. Ini berikutan kepada persepsi remaja secara meyoritinya memilih sangat tidak setuju kepada wujudnya masalah sosial di kawasan felda. Terdapat beberapa kes-kes yang dicatatkan seperti keterlibatan dengan dadah,

merempit dan gemar mengikuti pesta hiburan. Walaupun jumlah yang dicatatakan adalah jumlah minoriti tetapi berdasarkan Jadual 1 yang menunjukkan isu gejala sosial ini secara majoriti penyebabnya adalah dari pengaruh rakan sebaya sendiri menyebabkan perkara ini tidak harus dipandang remeh.

5. PERSEPSI DAN KESEDIAAN REMAJA CHINI BAGI MENGATASI GEJALA SOSIAL

Jadual 3 di bawah menunjukkan persepsi dan kesediaan remaja Chini dalam mengatasi gejala sosial. Data mengkatogerikan pandangan dan persepsi ini kepada darjah persetujuan 5 poin iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Sangat Setuju (ST), Kurang Setuju (KS), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS).

Jadual 3

Bil	Persepsi dan Kesediaan	STS	TS	KS	S	SS	Tiada Jawapan
1.	Menerima idea dan cadangan baru untuk mengatasi gejala sosial.	4 (4.9%)	1 (1.2%)	8 (9.8%)	35 (42.7%)	34 (41.5%)	0
2.	Sedia menutup aurat bagi membendung gejala sosial.	3 (3.7%)	1 (1.2%)	5 (6.1%)	34 (41.5%)	38 (46.3%)	1 (1.2%)
3.	Tidak suka berkawan dengan orang yang terlibat dengan gejala sosial.	4 (4.9%)	10 (12.2%)	16 (19.5%)	28 (34.1%)	24 (29.3%)	0
4.	Cuba menasihati kawan-kawan yang terlibat dengan gejala sosial.	0	2 (2.4%)	10 (12.2%)	41 (50.0%)	29 (35.4%)	0
5.	Menganggap gejala sosial di Chini tidak membimbangkan.	15 (18.3%)	22 (26.8%)	30 (36.6%)	9 (11.0%)	5 (6.1%)	1 (1.2%)
6.	Gejala sosial perlu diselesaikan melalui kaedah agama.	1 (1.2%)	6 (7.3%)	3 (3.7%)	41 (50.0%)	31 (37.8%)	0
7.	Sedia melaksanakan amar ma'aruf nahi munkar bagi mengatasi gejala sosial.	3 (3.7%)	3 (3.7%)	5 (6.1%)	41 (50.0%)	29 (35.4%)	1 (1.2%)
8.	Remaja perlu diberi kebebasan menentukan cara hidup sendiri walaupun terjebak dalam gejala sosial.	31 (37.8%)	20 (24.4%)	17 (20.7%)	12 (14.6%)	2 (2.4%)	0
9.	Tidak membesar-besarkan isu gejala sosial bagi menjaga aib seseorang.	4 (4.9%)	5 (6.1%)	24 (29.3%)	32 (39.0%)	17 (20.7%)	0

Jadual 3 menunjukkan suatu persipsi memberangsangkan dengan hasil dapatan kajian yang menunjukkan secara purata golongan remaja Felda Chini bersedia menerima idea dan cadangan baru bagi mengatasi masalah sosial. Isu persediaan menutup aurat juga mendapat respon yang sangat menggalakkan. Perhubungan

dengan rakan yang mana terlibat dengan kancah gejala sosial mendapat respon yang seimbang. Perkara ini dapat memberikan impak yang positif ataupun negatif tergantung kepada cara menanganinya. Jika sekiranya asas seorang remaja itu cukup kuat dan jitu, seseorang remaja itu mampu untuk memulihkan isu gejala sosial yang melibatkan rakan-rakan sekelilingnya. Secara puratanya, remaja-remaja ini bersedia untuk menasihati rekan-rakannya yang sudah terlibat dengan masalah ini.

Remaja-remaja ini masih menganggap bahawa isu gejala sosial masyarakat Felda Chini ini masih belum berada pada tahap yang membimbangkan dan masih boleh dikawal. Hampir keseluruhan remaja ini bersetuju bahawa penyelesaian agama adalah kaedah terbaik mengatasi isu ini dan rata-rata mereka bersedia untuk melaksanakan amal ma'aruf nahi mungkar yang mana mengamalkan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Oleh kerana sikap kemasyarakatan yang tinggi terhadap masyarakat felda, remaja-remaja ini mengaggap remaja-remaja yang terlibat dengan gejala sosial harus diberi peluang dan diberikan kebebasan untuk menentukan cara kehidupan mereka sendiri. Perkara ini penting supaya kesedaran dari naluri individu itu mampu untuk menjadikan remaja ini individu yang lebih baik.

6. PENUTUP

Berdasarkan dapatan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa gejala sosial di Chini masih dapat dibendung kerana masih wujud kesedaran dalam diri remaja ini terhadap bahayanya masalah gejala sosial ini. Pengaruh rakan sebaya sebenarnya dapat diatasi jika ketergantungan remaja kepada rakan-rakan dapat dikurangkan dan mendidik remaja ini meletakkan ketergantungan mereka kepada keluarga mereka sendiri. Asas kekeluargaan yang kuat dalam proses menanganami isu ini akan banyak membantu remaja meninggalkan gejala sosial. Masa depan remaja sebenarnya bukan sahaja menjadi tanggungjawab mereka sendiri tetapi haruslah dibentuk dan dididik oleh keluarga atau golongan terdahulu dengan panduan agama supaya remaja-remaja ini berada pada landasan yang betul sebelum menginjakkan diri kealam dewasa dan keluarga. Ibu bapa, pihak berkuasa, pihak sekolah dan masyarakat setempat hendaklah memainkan peranan dan melaksanakan tanggung jawab yang sewajarnya dalam

menyepadukan usaha membentaras gejala sosial bagi mengembalikan remaja Muslim hari ini kepada ajaran Islam sebenar.

RUJUKAN

- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib, 1977. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Anwar Ibrahim, 1995. *Islam Pembentukan Masyarakat Madani*. Teks syarahan di Festival Istiqlal, Jakarta.
- Gellner, Ernest, 1995. *Membangun Masyarakat Sipil: Prasyarat Menuju Kebebasan* (terj. Ilyas Hassan). Bandung: Penerbit Mizan
- ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan. 1981. *Tarbiyyah al-Aulad fi al-Islam*. Juz.1. Beirut: Dar al-Salam. h.126.
- ‘Abd al-Mun‘im ‘Abd al-Aziz al-Malijiyy (t.th), *al-Namu al-Nafsiyy*. Kaherah: Dar Misr lil Tiba‘ah, h.189.
- ‘Abd al-Mun‘im ‘Abd al-Aziz al-Malijiyy (t.t.), *op.cit.*, h.201.
- ‘Abd al-Mun‘im ‘Abd al-Aziz al-Malijiyy (t.t.), *op.cit.*, h.203.
- Chiam Heng Keng. 1983. “Adolescents in Malaysia: Their Problems and Mental Health, (Proceedings of the 4th ASEAN Forum on Child and Adolescent Psychiatry di Kuala Lumpur, 7-11 March 1983), h.47.
- Chiam Heng Keng. 1983. *op.cit.*, h.43.
- David P. Ausubel. 1969. *Theory and Problems of Adolescent Development*. New York: Grune & Stratton, h.144.
- Edith Humris. 1983. “Adolescents and Their Problems in Indonesia, (Proceedings of the 4th ASEAN Forum on Child and Adolescent Psychiatry di Kuala Lumpur, 7-11 March 1983), h.56.
- Elizabeth B. Hurlock. 1973. *Adolescent Development*, ed.4, New York: McGraw Hill Book Company, h.9.
- Elizabeth B. Hurlock. 1973, *op.cit.*, h.9.
- E. Patrick. 1969. “Students Health Problems at the University of Malaya, Kuala Lumpur, dalam *Students Problems in Southeast Asian Universities*, Kuala Lumpur: ASAIHL, h.70.
- Fajar Bakti Sdn. Bhd., h.126. Murray, E.J. 1964. *Motivation and Emotion*. New Jersey: Prentice-Hall Inc., h.49.
- Fakhir ‘Akil. 1985. *Mu‘jam ‘Ilm al-Nafs*. Beirut: Dar El-Ilm Lil Malayin. h.14.
- Gardner Lindzey, Calvin S. Hall & Richard F. Thompson. 1975. *Psychology*, New York: Worth Publisher Inc., h.482.

- Goh Choo Woon. 1983. "Current Adolescent Problems and Their Management in Singapore,(Proceedings of the 4th ASEAN Forum on Child and Adolescent Psychiatry di Kuala Lumpur, 7-11 March 1983), h.39.
- Hassan Langgulung. 1977. "Masalah-Masalah Pelajar Sekolah Menengah", *Jurnal Pendidikan*, No.5, April 1977, h.44-56.
- Hassan Langgulung. 1977. *op.cit*, h.49.
- Mahmood Nazar Mohamed 1990. *Pengantar Psikologi*. Kuala Lumpur: DBP. h.219.
- Manstead, A.S.R & Hewstone, M. 1995. *The Blackwell Encyclopedia of Social Psychology*. London: Basil Blackwell LTD. Oxford. h.148.
- Muhammad b. Isma'il Abu 'Abd Allah al-Bukhari (t.t), *Sahih al-Bukhari*.Kitab al-Nikah, Bab Ma Yukrah min al-Tabattul wa al-Khisa', dalam *Fath al-Bari*, juz.9, h.20.
- Muhammad 'Izzudin Taufik. 1998. al-Ta'sil al-Islami lil Dirasat al-Nafsiyyah al-Bahs fi al-Nafs al-Insaniyyah wa al-manzur al-Islami, Kaheerah: Dar al-Salam. h.197.
- Muhammad Shah Burhan. 1993. *op.cit.*, h.29.
- Muhd Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd Tamin. 1992. *Psikologi Remaja*. Kuala Lumpur:
- Rohaty Mohd Majzub 1992. *op.cit.*, h.90.
- Rohaty Mohd Majzub. 1998. *Memahami Jiwa dan Minda Remaja*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd.,h.82
- Peter, J.Lafreniere. 2000. *Emotional Development A Biosocial Perspective*.Australia: Wadsworth Thomson Learning, h.109.
- W.S. Leung. 1969. "Some Problems of Residence in the University of Hong Kong, dalam *Students Problems in Southeast Asian Universities*, Kuala Lumpur: ASAIHL, h.91.
- Zakiah Darajat. 1974. *Problema Remaja di Indonesia*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h.148.